



SUARA BANDARAYA

OKTOBER - 1994

ISSN 0128 - 1194



Dato' Dr. Mazlan Ahmad dan TYT Asadullah Askan Tabai merasmikan Jalan Isfahan

Eratkan Hubungan KUALA LUMPUR dan ISFAHAN

Jalan Selat yang menghubungkan antara Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Raja Laut, berhubung dengan Koppleh Sogo dengan namanya diubah

nama kepada Jalan Isfahan. Pertukaran nama jalan itu kepada sebuah kota tradisional di Iran yang berusia kira-kira 3,000 tahun ini berkuatkuasa mulai 18 Oktober 1994. Majlis

itu berjaya mengeratkan lagi hubungan Kuala Lumpur dan Isfahan.

Upacara rasmi itu bermula dengan memacakkan tanda Jalan Isfahan oleh Datuk Bandar, Dato' Dr. Mazlan Ahmad dengan kerjasama Timbalan Menteri Perumahan Iran, Asadullah Askan Tabai yang mewakili Datuk Bandar Isfahan yang tidak dapat hadir.

Ketibaan Timbalan Menteri Perumahan Iran itu ke negara ini dalam siri lawatan bersama rombongan Presiden Iran, Ali Akbar Hashemi Rafsanjani selama tiga hari ke Malaysia.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis rasmi itu, Dato' Dr. Mazlan Ahmad memberitahu Memorandum Persefahaman bandaraya berkembar yang ditandatangani pada 18 Ogos 1993, antara lain meminta kedua-dua bandaraya menamakan Jalan Kuala Lumpur di Isfahan dan Jalan Isfahan di Kuala Lumpur. Penukaran nama Jalan Kuala Lumpur di Isfahan akan dilakukan secara rasmi pada masa akan datang.

Dato' Dr. Mazlan Ahmad berkata, dengan wujudnya hubungan dua hala itu akan di tingkatkan lagi dengan pertukaran kebudayaan dan kesenian. Sebelum ini pameran kesenian dan kraftangan Iran telah diadakan di Kuala Lumpur.

Bersambung ke muka surat 6



SUARA
BANDARAYA

OKTOBER 1994

E D I T O R I A L

Penasihat:

Izman bin Hj. Ismail

Editor:

Zarina Ahmad Osman

Sub Editor

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani

Jurufoto:

Mubarak Mohd Atan

Abdul Rani Mohd Sohor

SUMBANGAN

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

EDITOR

SUARA BANDARAYA Bahagian Pentadbiran dan Hal Ehwal, Urusetia Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur atau berhubung dengan En. Wan Abdullah Wan Abd. Ghani, Tel: 03-2916011 samb. 3855

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

SENARAI HOTLINE

JABATAN-JABATAN

ADUAN - 2934531

JBR - 9845881 (sambutan)
- 9845884 (keemasan)
- 9845886

DIREKTORAT - 4231127
- 4420040 (skwad kecemasan)
- 4220033
- 4220055

PENJAJA - 2621990

PERUMAHAN - 201686

JKAL - 1915128

KANDUNGAN

SUARA BANDARAYA

OKTOBER 1994

Eratkan Hubungan Kuala Lumpur dan Isfahan

1

Dari Meja Datuk Bandar

3

25 Tahun Tegas Serta Setia

4

Kuala Lumpur Medan Paparan Iklan

7

Sayang-Sayang Buah Kepayang

9

Lelong Awam Kumpul RM 302 Ribu

10

Fong Masih Setia

11

Jualan Lambak Untuk Amal

12

Penjaja Penyeri Kota

13

Album Bandaraya

14

Sajak

16

Jubli Perak Direktorat Penguatkuasa

17

Penyakit Akibat Pemodenan

18

Kelab Sahabat Pupuk Setiakawan dan Sayangkan Warisan

20

Satu Dekad Penuh Cabaran 1946-1956

21

Pegawai-Pegawai Yang Bersara Tahun 1994

22

Rasulullah S.A.W. Bawa Perubahan

24

Tergamam Keindahan Berkelar

26



Pejabat Datuk Bandar

DARI MEJA DATUK BANDAR

CABARAN LALULINTAS MENJELANG TAHUN 2000

Wargakota tidak boleh lari daripada masalah kesesakan lalulintas yang kian parah. Dalam menangani masalah itu sebagai bandaraya yang amat pesat membangun dan maju, Kuala Lumpur sentiasa berdepan dengan pelbagai masalah terutama kesalahan lalulintas. DBKL dan kerajaan sedang giat melaksanakan projek jalan raya untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di sepanjang jalan utama menuju ke pusat bandaraya seperti Jalan Cheras, Jalan Ampang, Jalan Pahang/Gombak, Jalan Sentul dan Jalan Ipoh.

Antara projek tersebut ialah *middle ring road II* bermula dari Kepong dan berakhir di Lebuhraya Kuala Lumpur -

Seremban, *East West Link* dari Jalan Cheras ke Lebuhraya Kuala Lumpur Seremban dan *Connaught Interchange*.

Sekarang Projek Light Rail Transit (LRT) Fasa I sepanjang 12.5 km meliputi laluan dari Ampang, Jalan Sultan Ismail ke Puduraya yang dilaksanakan melalui penswastaan juga sedang berjalan lancar dan dijangka siap hujung tahun 1996. Projek yang dianggarkan sebanyak RM1.2 ribu juta ini merupakan pengangkutan awam yang menggunakan keretapi kuasa elektrik akan memberi faedah besar kepada wargakota di samping dapat mengatasi masalah kesesakan lalulintas. Projek itu dilengkapi 17 kenderaan LRT yang mempunyai 34 gerabak dengan keupayaan membawa 400 penumpang dalam satu masa.

Laluan Fasa II merupakan satu lilitan dari Hentian Puduraya ke Jalan Pasar, Jalan Imbi, Jalan Bukit Bintang dan kembali ke Hentian Pudu Raya yang akan dilaksanakan sebaik sahaja Fasa I beroperasi.

Kita berbangga projek monorail

sebagai perkhidmatan gabungan kepada LRT akan dilaksanakan secepat mungkin. Fasa I sejauh 8 km melalui Jalan Cheng Lock, Jalan Melaka, Jalan Raja Laut, Jalan Putera, Jalan Ipoh, Jalan Pahang, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Masjid India dan Jalan Tun Razak.

Dengan adanya kedua-dua projek pengangkutan moden ini diharapkan dapat menyelesaikan masalah pekerja ke pejabat serta mengurangkan kesesakan jalanraya yang serius sekarang yang dapat dialami di Jalan Ampang, Jalan Cheras, Jalan Kelang Lama, Jalan Ipoh, Jalan Tun Razak, Jalan Tun Perak dan Jalan Sentul.

Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel tahun 1998, hanya tidak sampai empat tahun dari sekarang. Ketika itu Kuala Lumpur akan menjadi tumpuan puluhan ribu ahli sukan dan wartawan seluruh dunia. Jika tidak ada masalah kesesakan lalulintas, lokasi kampung sukan di Bukit Jalil itu boleh dihubungi dengan kenderaan dalam masa yang singkat, kira-kira 15 minit dari pusat bandar.

FROM THE MAYOR'S DESK TRAFFIC CHALLENGE TOWARDS 2000

City Hall and the Federal Government is keen on implementing road projects to ease traffic congestion along the main routes entering the city centre. These include Cheras, Jalan Ampang, Jalan Pahang, Gombak, Jalan Sentul and Jalan Ipoh.

Among the projects being carried out include the Middle Ring Road II which starts from Kepong and ends at the Kuala Lumpur-Seremban Highway, *East West Link* from Jalan Cheras to Kuala Lumpur-Seremban and the *Connaught Interchange*.

Construction on the first phase of Light

Rail Transit (LRT) spanning 12 km from Ampang, Jalan Sultan Ismail to Pudu Raya has been going on very smoothly. It is being undertaken by the private sector and is scheduled to complete by 1996. This RM1.2 billion project is a public transportation system with electric-powered rail to help reduce traffic problems. The project comprises 17 LRT track with 34 coaches and has a capacity to carry 400 passengers at one time.

The second phase will be circular track from Hentian Puduraya to Jalan Pasar, Jalan Imbi, Jalan Bukit Bintang and back to Puduraya. It will be implemented soon after the phase one starts its operation.

A Monorail project will also be implemented as soon as possible to complement the LRT. It will be 8 km long passing through Jalan Cheng Lock, Jalan Melaka, Jalan Raja Laut,

Jalan Putera, Jalan Ipoh, Jalan Pahang, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Masjid India and Jalan Tun Razak.

With the construction both of these modern transportation, it is expected to solve problems of those travelling to offices. It will also help to minimise the serious traffic woes at Jalan Ampang, Jalan Pahang, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Pudu, Jalan Cheras, Jalan Klang Lama, and Jalan Ipoh.

Kuala Lumpur will be hosting the 1998 Commonwealth Games and during that time Kuala Lumpur will be attraction to thousands of athletes, tourists and journalists throughout the world. If there is no traffic congestion, the Games Village in Bukit Jalil can be reached at a very short time, only 15 minutes from the city centre.